

KIOS KESIHATAN PINTAR SIHAT AI PERKUKUH KESIAPSIAGAAN KESIHATAN RAKYAT MELALUI TEKNOLOGI AI DAN DATA

IPOH, 6 JULAI 2026 – Kerajaan Negeri Perak menerusi Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dengan kerjasama Centre of Excellence for Extended Reality Technology Sdn. Bhd. (COEXRT AI) hari ini melancarkan projek rintis Kios Kesihatan Pintar Sihat AI di Perak Techno-Trade Centre (PTTC), Ipoh.

Inisiatif itu dilaksanakan bagi memperkukuh kesiapsiagaan kesihatan rakyat melalui penggunaan kecerdasan buatan (AI), analitik data dan infrastruktur digital kesihatan, khususnya dalam membantu pengesanan awal penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes dan hipertensi.

Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, Perak merekodkan kadar diabetes dan hipertensi tertinggi di Malaysia, masing-masing sebanyak 21.7 peratus dan 40.2 peratus. Pada masa sama, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 51 peratus rakyat Malaysia tidak pernah menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala, sedangkan kos pengurusan NCD di negara ini dianggarkan mencecah RM64.3 bilion setahun.

Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, pelaksanaan projek rintis itu mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Inisiatif ini melambangkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menjaga kesihatan rakyat. Melalui Kios Sihat AI, proses saringan menjadi lebih mudah, pantas dan boleh diakses secara percuma di premis kerajaan serta pusat komuniti.

Pendekatan ini juga selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030 yang memberi penekanan kepada pencegahan, pengesanan awal dan akses kesihatan yang lebih inklusif kepada masyarakat bandar, luar bandar serta golongan rentan," katanya.

Menurut beliau, pelaksanaan Kios Sihat AI turut menyokong agenda SMART Perak dan pembangunan Ekonomi Digital Negeri Perak melalui penyelesaian digital yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak, YB Tuan Azlan Helmi berkata, fasa awal pelaksanaan projek rintis itu melibatkan warga kerja Digital Perak, organisasi di PTTC serta komuniti di Kota Tampan, Lenggong.





Katanya, pelaksanaan awal itu bertujuan masyarakat membudayakan saringan kesihatan secara berkala, berbanding hanya mendapatkan rawatan apabila jatuh sakit.



“Kita mahu membudayakan pemantauan kesihatan secara berkala. Dengan Kios Sihat AI, rakyat boleh menyemak tahap kesihatan setiap bulan, manakala rekod saringan disimpan dengan selamat dalam aplikasi telefon pintar masing-masing bagi membantu pengesanan awal penyakit dan menggalakkan perubahan gaya hidup yang lebih sihat,” katanya.

Beliau berkata, keseluruhan ekosistem Kios Sihat AI mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA), manakala data kesihatan pengguna dilindungi melalui sistem keselamatan digital yang ketat dan tidak akan dikongsi tanpa kebenaran.



Ketua Pegawai Eksekutif COEXRT AI, Encik Navinderan Mageswaran berkata, Kios Kesihatan Pintar Sihat AI direka sebagai pusat saringan kesihatan sendiri yang menggabungkan teknologi pintar dan kepakaran perubatan bagi memudahkan orang awam mendapatkan penilaian kesihatan secara lebih mudah dan pantas.

Antara ciri utama Kios Kesihatan Pintar Sihat AI ialah saringan kesihatan asas meliputi tekanan darah, kadar denyutan jantung, paras oksigen darah, suhu badan, glukosa darah, kolesterol, asid urik dan berat badan.

Kios itu turut dilengkapi imbasan wajah berasaskan AI bagi menganalisis risiko awal kesihatan, buku rekod kesihatan digital, sokongan kesejahteraan mental melalui aplikasi realiti maya (VR), kemudahan teleperubatan serta peralatan bertaraf klinikal yang diluluskan pihak berkuasa.

Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan inisiatif ini ke seluruh daerah di Perak melalui penambahan kios di lokasi strategik, sekali gus memperkukuh penggunaan data dan teknologi dalam merangka program kesihatan awam yang lebih tepat, berkesan dan berpaksikan keperluan rakyat.